



**KOPERASI GURU-GURU LEPASAN MAKTAB/  
PUSAT LATIHAN HARIAN PAHANG (KOGURU) BERHAD**

**Peraturan-peraturan  
BIRO PENDIDIKAN DAN PENERANGAN KOGURU**

1. **Tajuk**
  - a. Peraturan-peraturan ini adalah dinamakan "Peraturan- peraturan Pendidikan dan Penerangan Koperasi Guru-Guru Lepas Maktab/ Pusat Latihan Harian Pahang (KOGURU) Berhad".
  - b. Peraturan-peraturan ini diwujudkan di bawah **Undang-Undang Kecil 44 (2)(w) Koperasi ini** dan dikuatkuasakan selepas Persetujuan Mesyuarat Agung Koperasi ini dan Ketua Pendaftar.
  
2. **Tafsiran**

Dalam Peraturan ini, melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan yang berlainan maknanya maka tafsiran berikut adalah diterima pakai : -

  - a. **"Anggota Lembaga"** bermaksud Anggota Lembaga Koperasi yang dilantik di bawah Undang-undang Kecil Koperasi ini.
  - b. **"Anggota"** bermaksud anggota-anggota yang telah sah diterima masuk menjadi anggota mengikut Undang-undang Kecil Koperasi ini dengan telah menjelaskan syer RM100 (*Ringgit Malaysia Satu ratus Sahaja*) dan tidak pernah mungkir daripada mencarum kepada bayaran bulanan yurannya 3 bulan berturutan
  - c. **"Pendidikan"** maknanya satu proses meningkatkan pengetahuan mengenai koperasi
  - d. **"Penerangan"** maknanya satu proses menyampaikan maklumat berkaitan amalan berkoperasi.
  
3. **Tujuan**

Tujuan Biro Pendidikan dan Penerangan ini diwujudkan ialah untuk

  - a. Menerang dan menjelaskan konsep dan amalan berkoperasi kepada anggota dan bukan anggota secara lisan dan bahan bercetak.
  - b. Mendedahkan anggota koperasi kepada prinsip, faedah dan hak mereka sebagai anggota koperasi
  - c. Meningkatkan pengetahuan berkoperasi dari aspek undang-undang dan peraturan-peraturan koperasi

4. Aktiviti Biro Pendidikan dan Penerangan sebagaimana sesuai dengan **Undang-Undang Kecil 8 (1)**. **Aktiviti**
- a. Majlis penerangan
  - b. Penerbitan buletin
  - c. Menganjurkan kursus, seminar, bengkel dan lawatan sambil belajar.
5. Biro Penerangan dan Pendidikan Koperasi ini hendaklah ditadbir oleh Jawatankuasa Kecil Biro yang dilantik oleh Anggota Lembaga di bawah **Undang-undang kecil 44 (2) (v)** **Pentadbiran**
- a. Jumlah ahli Jawatankuasa Kecil ini hendaklah seramai tidak lebih daripada 7 orang.
  - b. Salah seorang yang diberi kuasa mengeluarkan wang oleh Undang-undang Kecil Koperasi (UUK) adalah dengan sendirinya menjadi ahli Jawatankuasa Kecil ini .
6. **Sumber kewangan diperoleh daripada** **Sumber Kewangan**
- a. Koperasi Guru-Guru Lepas Maktab/Pusat Latihan Harian Pahang (KOGURU) Berhad.
  - b. ANGKASA
  - c. Maktab Kerjasama Malaysia
  - d. Derma dan sumbangan daripada pihak lain
7. Tahun Kewangan Biro Pelancongan Koperasi ini hendaklah bermula daripada 1 hb. Januari dan berakhir pada 31 hb. Disember setiap tahun sebagaimana sesuai dengan **Undang-Undang Kecil 66**. **Tahun Kewangan**
8. **Makluman kepada Mesyuarat Agung**
- Anggota Lembaga Koperasi ini hendaklah membentangkan di dalam Mesyuarat Agung Koperasi ini, laporan mengenai aktiviti Biro Penerangan dan Pendidikan ini serta membuat cadangan dan menerima cadangan bagi memajukannya.

9.

Jika berbangkit sebarang perselisihan faham di atas tafsiran peraturan-peraturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Ketua Pendaftar mengikut **undang-undang kecil 80(1) Koperasi** ini.

**Perselisihan**

**Diakui inilah pindaan Peraturan-peraturan Biro Penerangan dan Pendidikan yang dibentang dan diterima oleh Mesyuarat Agung Koperasi ini Kali Ke Tiga Puluh Tiga pada Sembilan Belas haribulan Mei Tahun Dua Ribu Tujuh.**

.....  
**Pengerusi**

.....  
**Setiausaha**

.....  
**Anggota Lembaga**

Dikemaskinikan oleh  
JAWATANKUASA PENDIDIKAN DAN PENERANGAN KOGURU 2006/07